



Sistem Perundangan British dan Disiplin Banduan Penjara Pulau Pinang, 1870 - 1957: Implikasinya ke atas Masyarakat

Azlizan Mat Enh¹, Siti Alwaliyah Mansor²

¹Pusat Pengajian Sejarah Politik dan Strategi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

²Pusat Pengajian Umum, Kolej Sastera dan Sains Sosial, Universiti Utara Malaysia

Correspondence: Azlizan Mat Enh (azlizan@ukm.edu.my)

Abstrak

Kedudukan geografi Pulau Pinang di kawasan yang strategik telah mempengaruhi perkembangan ekonomi dan pembangunan di pulau ini. Perkembangan ini telah membawa kepada peningkatan penduduk secara mendadak dan ini mendorong kepada peningkatan kadar jenayah. Seiringan itu, kemasukan banduan ke dalam penjara di Pulau Pinang turut meningkat. Ini menyebabkan British memperkenalkan sistem perundangan Barat bagi mengendalikan banduan-banduan di penjara Pulau Pinang. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis peraturan dan disiplin penjara yang dikuatkuasakan oleh British ke atas banduan di Pulau Pinang dalam tempoh 1870 sehingga 1957. Metodologi yang digunakan untuk mencapai objektif ini ialah melalui penelitian ke atas sumber primer yang diperolehi dari arkib negara Kuala Lumpur seperti *Straits Settlements Annual Departmental Report, Rules And Regulations Under Ordinance No XIV Of 1872*, surat-surat dan fail-fail berkaitan peraturan dan disiplin penjara semasa pentadbiran British di Pulau Pinang. Analisis yang dilakukan mendapat bahawa pelaksanaan sistem perundangan British ke atas peraturan dan disiplin Penjara Pulau Pinang telah berjaya melancarkan sistem pentadbiran dan kehakiman penjara berkaitan pengurusan disiplin banduan.

Kata kunci: banduan, British, penjara, disiplin, masyarakat, Pulau Pinang.

British Legal System and the Discipline of Inmates of Penang Island's Prison, 1870-1957: Implications on the Society

Abstract

The Penang Island being a strategic region, had shown a rapid economic development. This development had led to an increase in population dramatically, nevertheless, had also increased the crime rates of the island.. Due to this, the numbers of prisoners in the Penang's prison had also increased tremendously. This has led the to introduction of the western legal system to handle prisoners by the British. The objective of this study is to analyze the rules and discipline enforced by the British rulers on inmates in Penang Island during the period of 1870 until 1957. The methodology used to achieve this objective is through a research on the primary sources obtained from the national archives such as the Straits Settlements Departmental Annual Report, rules and regulations Under ordinance No. XIV of 1872, the papers and files relating to the rules and discipline of the prison during the British administration. The results of the the study had shown that the British legal system of regulation and discipline of the Penang Island's prison had successfully helped to smooth the system of judicial administration and management-related to prison inmates discipline.

Keywords: inmates, British, prison, discipline, society, Penang Island

Pengenalan

Pemilihan Pulau Pinang oleh Francis Light yang mewakili *English East India Company* menjadikan Pulau Pinang sebagai pusat perdagangan *Entreport* adalah dipengaruhi kedudukan geografinya yang strategik dikelilingi sumber ekonomi (Nordin Hussin, 2007:7). Justeru perkembangan ekonomi Pulau Pinang sebagai bandar pelabuhan telah menyebabkan kehadiran beberapa kelompok imigran seperti pedagang jarak jauh, pedagang serantau, peniaga, dan buruh. Migrasi yang terjadi ini disebabkan pelbagai peluang pekerjaan yang menjadi tarikan utama bukan sahaja imigran Barat malah imigran Asia (Nordin Hussin, 2007:294). Oleh itu, berlakunya peningkatan pesat penduduk menyebabkan Pulau Pinang mempunyai kepelbagaian etnik dan kebanyakannya adalah pendatang yang terdiri daripada kelompok etnik seperti Melayu, India, Cina dan Eropah. Disebabkan hal ini, berlakunya pertambahan penduduk secara mendadak sehingga menyumbang kepada peningkatan jenayah yang serius. Ini kerana pada tahun 1901 menunjukkan kadar jenayah yang tinggi bagi Pulau Pinang iaitu sebanyak 51.4% berbanding Singapura iaitu sebanyak 45%, begitu juga Melaka sekadar hanya 3.6 %. Peningkatan jenayah yang tinggi di Pulau Pinang ini dapat dilihat bermula sejak tahun 1901 sehingga tahun 1920 (Straits Settlements Annual Departmental Report 1900-1919).

Oleh itu, kadar jenayah yang tinggi menjadikan pusat tahanan penjara muncul sebagai satu keperluan British sekaligus menjadi salah satu cabang perlaksanaan hukuman terhadap banduan yang melakukan kesalahan. Justeru secara tidak langsung, penapakan awal kuasa British di Pulau Pinang telah membawa kepada pembangunan penjara pertama dikenali sebagai Penjara *Chowrasta Lines* yang terletak di Jalan Pulau Pinang pada tahun 1811. Banduan yang ditempatkan ke dalam penjara ini terdiri daripada buruh banduan dari Bangka Hulu dan India (Davies, 1956). Hal ini menyebabkan kepadatan dan kesesakan penjara *Chowrasta Lines* sehingga mendesak pihak British menubuhan sebuah penjara lain yang lebih luas dan besar untuk menampung banduan yang semakin bertambah. Tambahan pula, pentadbiran EIC juga telah menjadikan Pulau Pinang sebagai tempat pembuangan banduan secara berterusan sehingga tahun 1873 (Turnbull, 1970:103).

Selain itu, dalam masa yang sama, British terus memperkenalkan ordinan-ordinan tertentu di bawah Piagam Keadilan Pertama 1807 iaitu penubuhan sebuah Mahkamah Keadilan yang mempunyai kuasa mahkamah undang-undang dan Piagam Keadilan Kedua 1826 diperkenalkan apabila Singapura dicantumkan dengan Pulau Pinang yang bertujuan menguatkuaskan undang-undang di Pulau Pinang yang sebelum ini menggunakan undang-undang Adat Tempatan Kedah. Ini dilihat merupakan salah satu langkah terpenting ke arah memperkuuh dan menambah-baik sistem pentadbirannya memandangkan Pulau Pinang sebelum ini tidak mempunyai sebuah sistem perundangan yang rasmi terutama dalam mengatasi masalah-masalah jenayah. (Straits Settlements *Government Gazette* 1900:4). Antara ordinan yang diperkenalkan termasuklah Ordinan Penjara 1872. Justeru bermula dengan pengenalan Ordinan Penjara ini membawa kepada usaha yang berterusan dalam meningkatkan keberkesanan pengendalian sistem penjara British di Pulau Pinang, ditambah dengan penggubalan akta-akta penjara pada tahun 1933 sehingga tahun 1952. Penggubalan akta-akta ini dilakukan secara berperingkat dari semasa ke semasa dalam memenuhi usaha meningkatkan mutu dan keberkesanan sistem penjara yang dilaksanakan (Straits Settlements Annual Departmental Report 1855-1867:167). Pengenalan undang-undang ini sekaligus telah menjadi panduan kepada peraturan dan tatacara yang perlu dipatuhi oleh Penjara Pulau Pinang dalam mentadbir hal ehwal pengurusan penjara tertakluk kepada peraturan dan garis panduan yang telah ditetapkan (Straits Settlements, 1920.)

Latar Belakang Penjara Pulau Pinang

Negeri-Negeri Selat juga merupakan negeri-negeri yang awal memiliki penjara berbanding negeri lain semasa di bawah pengendalian British melalui pengenalan Statut Piagam Keadilan 1807 (Purcell, 1965:196). Pengenalan statut ini secara tidak langsung menyumbang kepada penubuhan penjara sebagai salah satu langkah British mengatasi dan membanteras masalah jenayah yang timbul. Justeru, pada tahun 1849 menyaksikan penubuhan Penjara Pulau Pinang dilakukan secara rasmi disusuli dengan penubuhan penjara-penjara lain di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Tindakan ini dapat dilakukan oleh British setelah kedudukan British semakin kukuh dengan penguatkuasaan ke arah

pelarasan dan keseragaman peraturan dan undang-undang tertentu bagi setiap negeri. Hakikatnya, Penjara Pulau Pinang terbina adalah disebabkan kesan langsung daripada tindakan pihak British memperuntukkan Pulau Pinang sebagai bandar pelabuhan. Ketua Gabenor Negeri-Negeri Selat, Kolonel WJ Butterworth, telah mengasaskan pembukaan Penjara Pulau Pinang. Penjara ini ditadbir di bawah kawalan dan penyeliaan Penguasa Penjara Pulau Pinang yang secara khususnya membolehkan individu yang melakukan kesalahan jenayah ditempatkan di dalam penjara sebagai lokasi tahanan mereka. Aspek yang membenarkan individu dihukum penjara meliputi banduan yang melakukan pelbagai jenis kesalahan dari kategori kesalahan berat seperti membunuh, merompak, dan menculik sehingga kategori kesalahan ringan seperti menipu dan mencuri (Straits Settlements Penal Code, 1884:31).

Sehubungan itu, pengenalan *Penal Code* pada tahun 1870 sebagai Kanun Keseksaan Tanah Melayu dilihat berperanan penting dalam mengawal segala aktiviti jenayah yang berlaku, seterusnya ianya telah mula dikuatkuasakan di Negeri-Negeri Selat termasuk Pulau Pinang. (Ahmad Muhammed Ibrahim & Ahilemah Joned, 1985:19). Ini bertujuan membolehkan peraturan dan undang-undang British dikuatkuasakan secara rasmi dalam mengendalikan pelbagai masalah jenayah sekaligus sebagai usaha pengukuhan sistem perundangan British (Straits Settlements Annual Departmental Report 1855). *Penal Code* merupakan sebuah akta yang digubal bagi membolehkan banduan yang melakukan kesalahan dihukum setelah sabit kesalahan. Setiap banduan yang didapati bersalah akan dibicarakan mengikut peruntukan Kanun Keseksaan ini. Kewujudan *Penal Code* ini dilihat dapat mengawal perilaku dan perlakuan banduan-banduan mengikut peruntukan perundangan secara sah, selain berfungsi untuk mempermudahkan prosedur-prosedur atau tatacara pihak mahkamah dalam menentukan pelaksanaan kehakiman dan hukuman. Oleh itu, setiap proses kehakiman ini akhirnya akan memberikan kuasa kepada institusi penjara untuk menjalankan sebarang hukuman yang ditetapkan (Federation Annual Report 1949). Melalui peruntukan kuasa yang diletakkan di bawah Ordinan Penjara 1872 secara khususnya telah menjadi panduan kepada Penjara Pulau Pinang untuk menjalankan sistem pentadbirannya (Straits Settlements Annual Departmental Report 1872). Ordinan ini telah menggariskan undang-undang tertentu sebagai peraturan dan disiplin penjara yang perlu dilaksanakan secara menyeluruh.

Antara faktor penubuhan Penjara Pulau Pinang adalah peningkatan kemasukan banduan ke penjara *Chowrasta Lines* yang menyebabkan kesesakan dan kepadatan ruang penjara terus berlaku. Penjara *Chowrasta Lines* telah wujud sejak tahun 1790 dan menjadi tempat himpunan banduan asing yang dibawa oleh British dari India, Bangkahulu, Sumatera dan Hong Kong. Kesesakan dan kepadatan ini dapat dilihat apabila penjara *Chowrasta Lines* tidak lagi dapat menampung peningkatan banduan yang semakin meningkat saban tahun. Pada tahun 1795 sehingga tahun 1806, terdapat hanya 250 sehingga 300 orang banduan sahaja, namun peningkatan ketara dikesan telah berlaku pada tahun 1856, dengan peningkatan sebanyak 1358 orang (Pulau Pinang Past And Present, 1786-1963, 1993: 18). Justeru, hal ini mendesak pihak British menu buhkan sebuah lagi penjara yang lebih luas dan besar untuk menampung banduan yang semakin bertambah sehingga membawa kepada penubuhan *Penang Gaol* (Penjara Pulau Pinang) pada tahun 1849 yang dijadikan sebagai Ibu Pejabat Polis Pulau Pinang. Lantaran itu, Penjara Pulau Pinang atau *Penang Gaol* dibina pada tahun 1849 terletak di Jalan Penjara (*Gaol Road*), sebagai menggantikan Penjara *Chowrasta Lines* yang telah penuh. Penubuhan penjara yang baharu ini membolehkan pelbagai banduan dihimpunkan dengan keluasan penjara yang jauh lebih besar. Dalam masa yang sama kewujudan kepelbagaian penduduk yang terdiri daripada pelbagai etnik merangkumi orang Cina, Melayu, India, menyebabkan kes-kes jenayah meningkat secara serius di Pulau Pinang. Justeru Penjara Pulau Pinang terus digunakan sebagai tempat himpunan banduan. Sebagai contoh, peningkatan jumlah kes yang berlaku di Pulau Pinang ini dapat dilihat pada tahun 1895 sehingga tahun 1899 di Pulau Pinang.

Jadual 1. Jumlah Kes Di Pulau Pinang Bagi Tahun 1895-1899

Tahun	Jumlah kes
1895	9241
1896	9284
1897	9677
1898	10283
1899	14845

(Sumber: Straits Settlements Gazette 1899)

Berdasarkan jadual 1, berlaku peningkatan jumlah kes saban tahun di Pulau Pinang. Ini dapat dilihat apabila jumlah kes terus meningkat semenjak tahun 1895 iaitu sebanyak 9241 kes sehingga tahun 1899 menjadi 14845 kes. Peningkatan jumlah kes ini dipengaruhi oleh keadaan ekonomi yang berkembang pesat berdasarkan hasil import dan eksport yang meningkat dari jumlah pendapatan tahunannya. Bermula tahun 1895 hasil pendapatan Negeri-Negeri Selat adalah \$4028 508, manakala jumlah ini meningkat tinggi pada tahun 1899 sebanyak \$5199150 (Straits Settlements Annual Departmental Report 1895). Kepesatan ekonomi yang berlaku di Pulau Pinang juga memberi pengaruh kepada perkembangan kegiatan jenayah yang membawa kepada peningkatan kemasukan banduan ke penjara.

Berdasarkan laporan tahunan British, peningkatan bilangan kesalahan jenayah dalam tempoh 1895-1899 ini melibatkan kesalahan rompakan dan juga pembunuhan saban tahun. Dalam tempoh ini terdapat 76 kesalahan pembunuhan dilakukan, manakala kesalahan rompakan bersenjata berkumpulan pula sebanyak 68 kes (Straits Settlements Annual Departmental Report 1892-1900). Selain itu, pada tahun 1898 kesalahan pecah rumah di Pulau Pinang sebanyak 113 kes berbanding di Singapura sebanyak 107 kes, dan Melaka adalah 18 kes. Oleh itu, jelas dapat dilihat berlakunya peningkatan jumlah kes sehingga menjelang abad ke 20 di Pulau Pinang. Justeru, melalui penubuhan Penjara Pulau Pinang sebagai menggantikan Penjara *Chowrasta Lines* ini merupakan salah satu usaha terbaik British demi memastikan pentadbirannya berjalan lancar sekaligus mengendalikan hal-ehwal jenayah di Pulau Pinang.

Proses dan Tatacara Klasifikasi Banduan ke dalam Penjara Pulau Pinang.

Terdapat beberapa proses dan tatacara yang telah digunakan oleh pihak British dalam melaksanakan urusan klasifikasi banduan sebelum banduan ditempatkan ke dalam Penjara Pulau Pinang. Melalui temubual ringkas yang dijalankan, segala butiran maklumat seperti maklumat peribadi dan latar belakang banduan akan diambil termasuk percetakan jari dan juga gambar banduan seterusnya maklumat-maklumat ini akan disimpan di dalam rekod pihak penjara. Seterusnya setiap banduan akan melalui pemeriksaan fizikal yang dijalankan oleh Pegawai Perubatan yang bertugas, diarahkan untuk mandi dengan tujuan membersihkan diri dan akan diberikan pakaian seragam bagi banduan penjara (C.O. 273/272 Fail 9321:8).

Banduan juga akan diberi penjelasan mengenai undang-undang dan peraturan-peraturan penjara yang telah ditetapkan, malah setiap banduan akan diberikan jenis pekerjaan yang bersesuaian yang terdapat dalam program-program penjara yang telah ditetapkan oleh British. Apabila segala proses ini selesai banduan akan ditempatkan ke bahagian penyerahan banduan untuk dimasukkan ke dalam penjara (Loveland, 1962:188). Proses ini bertujuan meletakkan mereka ke dalam jenis dan kategori banduan. Jenis dan kategori banduan telah dikelaskan mengikut hukuman pendek dan hukuman panjang bagi banduan kali pertama, banduan muda, dan pengulang salah laku jenayah dan dikelaskan mengikut kesalahan mereka.

Namun dalam aspek perlaksanaan program dan aktiviti penjara yang dijalankan adalah sama bagi semua banduan tanpa mengira kesalahan. Banduan akan dikelaskan dan diletakkan secara berkumpulan bersesuaian dengan pekerjaan yang boleh dilakukan (I.P.O. 601/38, 1938). Semasa

kemasukan banduan ke penjara, banduan akan dibawa ke Bilik Penerimaan dan segala butir peribadi termasuk gambar banduan akan diambil oleh dua orang wadar yang bertugas di Bilik Penerimaan. Sekiranya banduan dimasukkan penjara pada waktu malam, wadar bertanggungjawab untuk menunggu sehingga keesokkan harinya dan menyerahkan laporan kepada Pegawai Perubatan yang bertugas. Hal ini kerana Pegawai Perubatan hanya datang dan bertugas pada waktu pagi sahaja. Apabila Pegawai Perubatan memiliki laporan banduan berkenaan, Pegawai Perubatan akan mengklasifikasikan banduan dalam kategori yang bersesuaian sama ada kategori berat, sederhana, mahupun ringan. Satu salinan laporan mengenai maklumat banduan dari Bilik Penerimaan serta dari Pegawai Perubatan itu akan diserahkan kepada Pengguna Penjara (I.P.O. 89/1937, 1937). Antara butiran yang terkandung dalam laporan meliputi maklumat mengenai jantina, umur, bangsa dan agama, kekerapan masuk ke penjara, serta tempoh perlaksanaan hukuman (I.P.O. 601/38, 1938).

Disiplin Penjara

Aspek disiplin merupakan elemen terpenting di dalam penjara. Ia juga dianggap sebagai rawatan diorientasikan ke arah membolehkan banduan memahami konsep kendiri dan mempraktikkan perubahan-perubahan baru yang dipelajari dalam sebuah persekitaran yang selamat (Manual of Correctional Standards, 1966:402). Bagi mencapai matlamat rawatan dan pemulihan, penguatkuasaan disiplin secara keseluruhan perlu dilakukan bagi memastikan semua program penjara berjalan lancar. Disiplin ialah hasil daripada satu proses latihan yang bertujuan melaksanakan sebarang perintah dan kawalan dalam mencapai sesuatu peluang, dan merupakan intipati tingkah laku sosial yang membenarkan kehidupan masyarakat. Ia menjurus ke arah pembangunan corak tingkah laku yang akan membantu banduan dalam pelarasan masa depan bersama masyarakat (Manual of Correctional Standards, 1966:401). Konsep disiplin menuntut kepatuhan yang ketat dan pemerhatian undang-undang yang telah digariskan sehingga boleh membawa hukuman jika terdapat sebarang pelanggaran yang telah ditetapkan.

Peraturan yang menekankan aspek disiplin banyak dijelaskan dalam hal-hal seperti kesalahan, hukuman dan pembelengguan terhadap banduan penjara termasuk perihal kesalahan-kesalahan, kuasa hukuman, pemeriksaan Pegawai Perubatan, rekod hukuman dan tekanan mekanikal. Selain itu, Ordinan Penjara 1872 dijadikan landasan untuk membentuk tatacara disiplin di seluruh penjara Negeri-Negeri Selat. Namun begitu, Pengguna Penjara boleh mengambil tindakan yang berbeza-beza ke atas kes kesalahan disiplin yang berlaku di Penjara. Ini kerana Pengguna Penjara diberi kuasa menjatuhki hukuman terhadap kesalahan disiplin menggunakan budi bicara mengikut Peraturan Penjara yang menitik-beratkan hukuman yang setimpal (Straits Settlements Annual Departmental Report 1872).

Penghukuman oleh Pengguna Penjara perlu dilakukan dengan adil berdasarkan persekitaran penjara, latar belakang kesalahan salah laku banduan, kekerapan melakukan kesalahan dan alasan serta sebab banduan melakukan kesalahan tersebut. Justeru, kuasa Pengguna Penjara dalam melaksanakan undang-undang disiplin tidak dapat dipertikaikan kerana ia telah termaktub dalam peraturan yang ditetapkan. Oleh itu, Pengguna Penjara perlu bersikap adil dalam menjatuhkan hukuman kepada banduan dan perlu memberi peluang kepada banduan untuk mengemukakan alasan-alasan atas kesalahan yang dilakukan bagi tujuan membela diri mereka (Rules And Regulations Under Ordinance No.XIV Of 1872:3). Ini bertujuan memastikan keadilan dan kesaksamaan kepada banduan dapat dilaksanakan sebelum sebarang hukuman dijatuhkan. Seterusnya, terdapat dua jenis kesalahan dalam penjara iaitu kesalahan kecil dan kesalahan besar.

Kesalahan-Kesalahan Disiplin Penjara Dan Hukumannya

Kesalahan Kecil Disiplin Penjara

Berdasarkan Jadual 2 menunjukkan beberapa kesalahan kecil terhadap aspek disiplin penjara. Secara keseluruhannya, kesemua jenis kesalahan kecil ini melibatkan etika dan sikap terhadap tingkah laku banduan kepada peraturan yang telah disediakan. Pembentukan disiplin di penjara memainkan peranan penting dalam memastikan keberkesanan peraturan penjara yang dilaksanakan. Ketiadaan

sikap disiplin banduan boleh mengganggu-gugat hal ehwal pengawasan dan penyeliaan Pegawai Penjara.

Jadual 2. Kesalahan Kecil Disiplin Penjara

Bil.	Kesalahan Kecil Disiplin Penjara
1.	Bercakap sewaktu bekerja atau bercakap kuat, atau ketawa atau menyanyi walaupun diarahkan Pegawai Penjara supaya berhenti
2.	Bertengkar dengan mana-mana banduan lain
3.	Menyembunyikan sebarang benda
4.	Menunjukkan sikap tidak beradab kepada mana-mana pegawai penjara atau pelawat rasmi
5.	Membuat pengaduan yang tidak berasas dan munasabah
6.	Mengadakan perhubungan, sama ada secara bertulis, melalui lisan, atau selainnya dengan mana-mana orang dengan mengingkari peraturan-peraturan
7.	Membantu atau mengambil bahagian dalam apa-apa juga kesalahan
8.	Tidak membantu mengekalkan tata tertib dengan melaporkan apa-apa kesalahan penjara, atau tidak memberikan bantuan kepada pegawai apabila diminta untuk berbuat demikian
9.	Meninggalkan wad, halaman, tempat dalam barisan, tempat duduk, tempat sandaran tanpa kebenaran Pegawai Penjara
10.	Enggan berkawat dalam barisan bergerak di sekitar kawasan penjara
11.	Mengunjungi tandas tanpa kebenaran Pegawai Penjara atau berada di dalam tandas lebih lama daripada yang perlu
12.	Memasukkan ke dalam makanan atau minuman apa-apa benda yang mungkin menjadikannya tidak sedap atau tidak menyihatkan
13.	Tidak atau enggan memakai pakaian yang diberikan atau menukar mana-mana bahagiannya dengan pakaian banduan lain, atau menghilangkan, membuang, merosakkan atau mengubah mana-mana bahagian pakaian
14.	Mengalihkan, mencacatkan atau mengubah mana-mana nombor, tanda atau lencana pengenalan yang dipakaikan pada pakaian atau orang
15.	Mengganggu dengan apa-apa cara kunci, lampu atau cahaya di penjara atau harta lain yang tiada kena mengena dengannya
16.	Meludah atau mengotori mana-mana lantai, pintu, dinding atau bahagian lain bangunan penjara
17.	Dengan sengaja mengotarkan telaga, tandas, tempat membasuh atau tempat mandi
18.	Tidak atau enggan menjaga dengan munasabahnya segala harta penjara yang diamanahkan kepadanya
19.	Sengaja melakukan perkara yang membuatkan dirinya sakit, luka atau lemah
20.	Menyebabkan atau enggan menolong menghentikan kekerasan yang berlaku
21.	Menyertai atau mengambil bahagian dalam percaduhan antara banduan dan pegawai penjara
22.	Tidak menurut sebarang hukuman mengikut undang-undang yang diberikan
23.	Bermalas-malasan atau enggan bekerja atau menunjukkan kecuaian dalam membuat kerja yang diperuntukkan baginya.

(Sumber: Ordinan Penjara 1933)

Berdasarkan Laporan Tahunan Penjara British, menunjukkan masalah disiplin Penjara Pulau Pinang hanya sebanyak 22% kes kesalahan setahun yang kebanyakannya merupakan kesalahan disiplin kecil. Oleh itu, melalui pelaksanaan hukuman ke atas kesalahan disiplin kecil menunjukkan kadar masalah disiplin banduan berkurangan (Straits Settlements Annual Report 1927:6). Ini disebabkan pelaksanaan hukuman dan denda yang telah diberikan. Tindakan yang dilaksanakan kepada banduan sama ada diberikan hukuman mahupun denda dilihat sebagai dorongan yang bersifat negatif dan tidak disukai banduan, namun ia mampu menggalakkan banduan menjadi seorang yang lebih bersikap mematuhi peraturan dan arahan yang ditetapkan.

Selain itu, denda dan hukuman juga boleh disifatkan sebagai pembalasan ke atas kesalahan yang dilakukan. Ia bergantung kepada jenis kesalahan peraturan yang dilanggar banduan. Faedah dendaan yang berbentuk pembalasan ini amat sesuai dilaksanakan sebagai usaha membasi masalah disiplin berlaku. Dendaan yang diberikan bertujuan untuk mencegah daripada berulangnya pelanggaran disiplin dan kesalahan tingkah laku. Ia akan membuatkan banduan supaya berusaha mengelakkan daripada melakukan kesalahan dan memperbaiki tingkah lakunya sekaligus memudahkan pelaksanaan aspek peraturan dan undang-undang penjara (League Of Nations, Penal and Penitentiary Questions Report 1934:6). Justeru, aspek disiplin memainkan peranan penting dalam memastikan matlamat rawatan dan pemulihan banduan ke arah individu yang lebih bertanggungjawab dan berdikari dapat dilakukan. Walaubagaimanapun, pengurangan kadar disiplin banduan ini tidak dapat dikurangkan secara keseluruhannya. Ini kerana berpunca daripada sikap banduan itu sendiri yang tidak mahu melakukan perubahan tingkah laku. Walaupun hukuman telah dikenakan terhadap kesalahan disiplin yang dilakukan, namun punca utama adalah berdasarkan kepada sikap bukan semata-mata kepada akta, undang-undang dan peraturan sahaja. Oleh itu, terdapat beberapa jenis hukuman yang diberikan jika banduan telah terbukti melakukan kesalahan kecil terhadap aspek disiplin penjara.

Hukuman Kesalahan Kecil Disiplin Penjara.

Antara hukuman yang dikenakan kepada banduan atas kesalahan kecil melanggar disiplin penjara antaranya banduan akan dikenakan amaran sebagai celaan di atas tingkah laku yang dilakukannya. Selain itu banduan juga boleh dikenakan pengurangan peringkat bagi tempoh yang tidak melebihi dua bulan, bahkan juga boleh mendapat penangguhan kenaikan ke peringkat seterusnya selama 2 bulan. Di samping itu, banduan juga boleh dikenakan tindakan dilucutkan hak-hak keistimewaan bagi tempoh tidak melebihi dua bulan. Hak istimewa ini meliputi kelonggaran menggunakan keistimewaan seperti buku yang berada di perpustakaan penjara, dibenarkan untuk menghadiri kelas-kelas yang disediakan seperti kelas pendidikan, ceramah, konsert dan pertunjukkan filem, malah banduan juga dibenarkan untuk membuat pembelian di kantin penjara dengan menggunakan wang yang diperolehi semasa bekerja di dalam penjara.

Selain itu banduan juga boleh disingkirkan daripada menyertai Skim Pendapatan bagi tempoh yang tidak melebihi tiga bulan (Rules And Regulations Under Ordinance No.XIV Of 1872:11). Namun pengurangan Gred Pendapatan boleh dikenakan sehingga suatu tempoh banduan itu dianggap layak dikembalikan semula kepada gred asal jika menunjukkan tingkah-laku yang baik dan bersungguh-sungguh dalam melaksanakan tugasannya. Begitu juga kesan melakukan kesalahan kecil disiplin penjara juga boleh menyebabkan banduan dilucutkan hak mendapat pengampunan dalam tempoh yang tidak melebihi 14 hari. Oleh itu banduan perlu bersikap baik dan menjaga tingkah-laku disiplin setiap masa agar pemberian hak pengampunan tidak dilucutkan. Antara contoh banduan yang memiliki hak pengampunan atas rekod disiplin yang baik dapat dilihat di Penjara Pulau Pinang seperti kes banduan bernama Shahamin Bin Yeop yang disabitkan kesalahan membawa senjata dan bahan letupan yang merbahaya dan dijatuhi hukuman 8 tahun penjara dengan denda sebanyak RM300. Namun hukuman penjara banduan telah dikurangkan 2 tahun lebih awal (C.P 456/47, 1949). Begitu juga kes banduan bernama Tham Thye yang telah menunjukkan rekod disiplin yang baik tanpa melanggar sebarang peraturan penjara walaupun disabitkan kesalahan cubaan membunuh namun tidak menyebabkan kematian dan dikenakan hukuman penjara selama 12 tahun, telah diberikan hak pengampunan iaitu dikurangkan 2 tahun hukuman penjara (C.P 315/48, 1948).

Di samping itu, banduan boleh dikenakan hukuman pengurangan berasingan dalam sel dengan diet terhad bagi tempoh tidak melebihi empat belas hari (League Of Nations, Penal And Penitentiary Questions Report 1934:7). Malah pada peringkat awal, kesalahan kecil disiplin yang dilakukan banduan boleh dikenakan hukuman *Crank* (C.O. 273/240, 1898). Contohnya, pada tahun 1906 antara kesalahan disiplin yang dikenakan hukuman *Crank* seperti kesalahan merosakkan harta kerajaan akan dikenakan hukuman *Crank* selama 7 hari, kesalahan membuat kekacauan dalam penjara, kesalahan memanjat dinding penjara dan bersembang kosong, dan kesalahan meninggalkan kerja memecah batu akan dikenakan hukuman *Crank* selama 3 hari (Peraturan Penjara, 1903). Manakala kesalahan seperti bergaduh, menyanyi dan menjerit di dalam penjara pula akan dikenakan *Crank* selama 5 hari dan beberapa jenis kesalahan disiplin yang lain (Peraturan Penjara, 1906). Justeru itu, selain kesalahan kecil disiplin penjara, terdapat juga kesalahan-kesalahan besar disiplin penjara sebagaimana dalam jadual 3.2 berikut.

Kesalahan Besar Disiplin Penjara

Jadual 3 menunjukkan beberapa kesalahan besar terhadap aspek disiplin penjara. Secara keseluruhannya, kesemua jenis kesalahan besar ini melibatkan kesalahan disiplin penjara yang lebih serius seperti kesalahan melibatkan diri dengan jenayah dalam penjara, cubaan melakukan tindakan-tindakan yang ganas seperti pemilikan senjata, melibatkan diri dengan sebarang aktiviti mogok atau rusuhan, cubaan membunuh diri dan lain-lain.

Jadual 3. Kesalahan Besar Disiplin Penjara

Bil.	Kesalahan-Kesalahan Besar Disiplin Penjara
1.	Melakukan pemberontakan atau menghasut supaya berlakunya penentangan penjara
2.	Melarikan diri atau cuba melarikan diri
3.	Mempunyai dalam milikan atau di bawah kawalan atau jagaan atau mengagihkan atau menyalahgunakan sebarang dadah berbahaya atau bahan atau tembakau atau apa-apa senjata berbahaya
4.	Mengambil bahagian dalam sesuatu serangan atau serbuan ke atas seseorang pegawai penjara
5.	Mengancam secara bertalu-talu secara keras ke atas banduan lain
6.	Dengan sengaja merosakkan harta penjara
7.	Dengan sengaja menyebabkan sakit, kecederaan atau hilang upaya pada dirinya atau orang lain
8.	Dengan sengaja membuat tuduhan palsu atau tidak berasas atau aduan terhadap seseorang Pegawai Penjara
9.	Mengulangi sesuatu kesalahan kecil setelah dua kali dihukum kerana kesalahan kecil yang sama
10.	Apa-apa perbuatan salah laku atau ingkar perintah yang ditetapkan
11.	Bersubahat melakukan suatu kesalahan penjara yang besar
12.	Menggunakan bahasa yang kesat terhadap seseorang Pegawai Penjara atau pekerja penjara lain
13.	Apabila menjalani, atau sebelum sahaja menjalani hukuman, dengan sengaja menyebabkan kekacauan yang dimaksudkan untuk mengganggu ketenteraman penjara
14.	Menahan sebarang banduan atau orang lain
15.	Mengambil bahagian dalam apa-apa bentuk mogok
16.	Cuba membunuh diri
17.	Cuba melakukan sebarang kesalahan yang ditetapkan

(Sumber: Peraturan Penjara, 1953)

Namun begitu terdapat beberapa jenis hukuman yang diberikan jika banduan telah terbukti melakukan kesalahan besar terhadap aspek disiplin (Peraturan Penjara 1953). Sebelum itu, setiap kesalahan yang melanggar tatatertib dan disiplin penjara akan disiasat oleh Pegawai Penjara (Straits Settlements Annual Departmental Report 1872). Justeru banduan boleh dihukum supaya makanannya disekat selama tidak melebihi tiga hari selain boleh ditukarkan ke penjara lain. Pegawai Penjara juga boleh menghukum seseorang banduan selepas menjalankan siasatan dan jika didapati bersalah melakukan kesalahan besar penjara, akan dihukum salah satu hukuman atau lebih.

Hukuman Kesalahan Besar Disiplin Penjara

Oleh itu, selepas terbukti bersalah melakukan kesalahan besar seperti melanggar disiplin penjara, seseorang banduan itu boleh dihukum dengan hukuman-hukuman tertentu. Antara hukuman yang dikenakan seperti banduan akan dikenakan amaran sebagai celaan di atas tingkah laku yang dilakukannya. Selain itu banduan juga boleh dikenakan pengurangan peringkat bagi tempoh yang tidak melebihi empat bulan, bahkan juga boleh mendapat penangguhan kenaikan ke peringkat seterusnya selama empat bulan. Selain itu, banduan juga boleh dikenakan tindakan dilucutkan hak-hak keistimewaan bagi tempoh yang tidak melebihi empat bulan, serta disingkirkan daripada menyertai Skim Pendapatan bagi tempoh yang tidak melebihi enam bulan. Namun pengurangan Gred Pendapatan juga boleh diberikan sehingga suatu tempoh banduan itu dianggap layak dikembalikan semula kepada gred asal kerana telah menunjukkan tingkah-laku yang baik dan bersungguh-sungguh dalam melaksanakan tugasannya

Di samping itu, kesan melanggar disiplin penjara juga boleh menyebabkan banduan dilucutkan hak mendapat pengampunan dalam tempoh yang tidak melebihi 14 hari. Hak pengampunan ini bergantung kepada cadangan Pengusaha Penjara ataupun Timbalan Pengusaha Penjara. Antara ciri-ciri yang akan dipertimbangkan sebelum banduan diberikan pengampunan adalah jenis kesalahan yang akan dilakukan, hukuman yang dikenakan, dan rekod disiplin banduan yang bersih (1991/0025487). Sebagai contoh, seorang banduan di Penjara Pulau Pinang yang telah dicadangkan mendapat pengampunan atas kelayakan yang ditetapkan bernama Ganapathy S/O Chellappan yang telah melakukan kesalahan cubaan membunuh namun tidak menyebabkan kematian dan dikenakan hukuman penjara selama 5 tahun.

Pihak Mahkamah telah memberikan hak pengampunan iaitu dibebaskan lebih awal daripada tarikh yang sepatutnya. Banduan ini telah disabitkan kesalahan pada 4 Januari 1949 dan mendapatkan pembebasan lebih awal iaitu pada 2 April 1952. Jika menurut tempoh disabitkan hukuman iaitu 5 tahun hukuman penjara yang akan berakhir pada tahun 1955. Namun bermula tahun 1949, sebarang petisyen untuk tujuan pengampunan hukuman banduan di Pulau Pinang dan Melaka akan dihantar kepada Pesuruhjaya Tinggi di bawah pengendalian kerajaan Negeri-Negeri Selat dan bukan lagi Sekretariat Persekutuan Tanah Melayu. Semua petisyen akan diberikan kepada Residen Komisioner Penjara yang akan mengemukakannya kepada Pesuruhjaya Tinggi Penjara (RCP/FS : 410/1949). Justeru, aspek disiplin dan tingkah laku tatatertib banduan memainkan peranan penting bagi mengelakkan tindakan perlucutan hak istimewa dikenakan terhadap banduan.

Begitu juga banduan boleh dikenakan hukuman pengurangan berasingan dalam sel dengan dikenakan Diet Hukuman bagi tempoh tidak melebihi dua puluh satu hari (League Of Nations, Penal And Penitentiary Questions Report 1934:6) Diet Hukuman ini merupakan sekatan makanan yang dikenakan kepada banduan selaras dengan skala diet yang dibentangkan dan diluluskan oleh *Ministry Of Home Affairs* (Report On The Prisons Department In The Federation Of Malaya For The Year 1949). Banduan yang berada di Gred Perusahaan diberi makanan yang dikenali sebagai Makanan Biasa, manakala banduan yang bukan dari Gred Perusahaan diberi makanan yang dikenali sebagai Makanan Penjara. Begitu juga Makanan Hukuman pula diberi kepada banduan yang melanggar peraturan-peraturan disiplin penjara (Straits Settlements Annual Report 1930). Pemberian hidangan makanan terhadap banduan berdasarkan kepada Menu Diet Hukuman yang diberikan sebagaimana dalam jadual 4.

Jadual 4. Menu Diet Hukuman

Bil	Bangsa Banduan	Menu Diet Hukuman Jadual C	Menu Diet Hukuman Jadual B
1.	Banduan Asia	Roti	Roti, nasi, kacang, garam
2.	Banduan Eropah	Roti dan keju	Nasi, sayur, tepung gandum, lemak khinzir (untuk dimasak) bahan kari, keju, susu, telur
3.	Semua Banduan	Halia, bawang merah,cili, lada hitam, asam jawa, ketumbar	

(Sumber: Straits Settlements Annual Report 1938)

Berdasarkan jadual 4 menunjukkan menu diet hukuman yang telah diberikan kepada banduan yang telah dihukum menu diet hukuman. Terdapat dua jadual bagi menu diet hukuman. Bagi jadual C, merupakan hukuman yang dihukum atas kesalahan disiplin penjara dan bagi banduan yang dihukum penjara tidak melebihi 14 hari. Jadual menu diet C dilihat lebih bersifat kejam dan menghukum kerana makanan yang disediakan hanyalah roti dan keju, halia, bawang merah, cili, lada hitam, asam jawa dan ketumbar. Namun menu diet jadual B jauh lebih baik daripada jadual C. Menu ini sekurang-kurangnya menyediakan nasi atau roti sebagai menu diet banduan. Namun, menu diet standard pula jauh lebih baik daripada menu diet hukuman.

Sementara itu jadual 5 menunjukkan menu diet makanan standard bagi semua banduan penjara (Straits Settlements Annual Report 1938:834). Menu diet ini boleh diperuntukkan kepada banduan yang dihukum penjara melebihi 14 hari, banduan yang ditahan reman, banduan yang menanti pelaksanaan hukuman buang negeri, mahupun banduan yang dicadangkan oleh Pegawai Perubatan. Menu diet standard ini merupakan menu hidangan lengkap dan jauh lebih baik daripada menu diet hukuman. Pada tahun 1903, terdapat aduan dari golongan banduan Sikh yang menyatakan keengganannya untuk mendapat diet standart yang sama dengan banduan bangsa lain. Ini kerana mereka sentiasa dalam Diet Hukuman selama 4 hari dalam seminggu, bahkan mereka hanya diberikan tepung tanpa teh dalam jadual diet mereka. Oleh itu pihak British memutuskan untuk tidak memberikan banduan Asia dan juga Eropah juga hidangan teh pada jam 6 petang sebagai langkah adil dan saksama.

Jadual 5. Menu Diet Standard

Bil	Bangsa Banduan	Menu Diet Standard
1.	Bangsa Asia	Nasi, ikan atau daging, Minyak kelapa, bahan kari, kacang dal, garam, sayur, roti, teh,
2.	Bangsa Eropah	Nasi, daging atau ikan, roti, jem, tepung gandum, gula, garam, bahan kari, keju, telur, susu, mentega.
3.	Bangsa Jepun	Nasi, roti, teh, gula, sayur, ikan, daging, telur itik, lemak khinzir(untuk dimasak)

Di samping itu, berbeza dengan kesalahan kecil disiplin penjara, kesalahan besar disiplin penjara boleh dikenakan hukuman sebatan dengan menggunakan rotan bergantung kepada budi bicara Pengguna Penjara (I.P.O. 820/35, 1935). Oleh itu, secara keseluruhannya hukuman yang diberikan oleh British sama ada melibatkan kesalahan kecil atau kesalahan besar disiplin penjara mempunyai beberapa hukuman. Antaranya seperti diberikan amaran, pengurangan peringkat atau ditangguhkan untuk naik ke peringkat seterusnya, dilucutkan hak istimewa, digugurkan hak menyertai Skim Pendapatan serta dicabut hak pengampunan. Walaubagaimanpun boleh dilihat keduanya sama ada kesalahan kecil atau besar dikenakan hukuman yang sama namun yang membezakannya hanyalah dari segi tempoh pelaksanaan hukuman.

Menurut *Report Of The Prisons Department Federation Of Malaya, For The Years 1953 And 1954* menyatakan bahawa antara hukuman yang paling banyak dikenakan bagi banduan yang melanggar disiplin penjara adalah dikurangkan diet makanan mereka. Hal ini kerana kemungkinan kesalahan yang dilakukan merupakan kesalahan kecil berdasarkan kadar banduan yang ramai ditambah pula dengan jenis hukuman ini dianggap ringan hanya dengan dikurangkan diet makanan berbanding hukuman lain. Walaubagaimanpun jumlah hukuman kedua tertinggi memperlihatkan banduan akan diberikan amaran (*Report of The Prisons Department Federation Of Malaya, 1953 and 1954:51*).

Sebagaimana hukuman dikurangkan diet makan, hukuman amaran hanyalah dianggap perkara remeh, berbanding hukuman sebatan dan perlucutan hak pengampunan. Namun laporan juga menyatakan jumlah kesalahan disiplin yang paling rendah adalah dengan hukuman kehilangan hak istimewa. Ini dikaitkan dengan kenyataan laporan British yang menyatakan banduan di dalam tahanan penjara amat menghargai pemberian hak istimewa melalui Skim Pendapatan dan beberapa skim lain, malah banduan sanggup merayu untuk mendapat hukuman lain sekiranya hukuman ini dikenakan (*Report of The Prisons Department Federation of Malaya, 1953 and 1954: 51*). Ini memandangkan melalui pemberian hak istimewa ini membenarkan banduan untuk mendapat hasil pendapatan yang sebahagiannya dapat digunakan apabila mereka bebas nanti.

Justeru program penjara yang dijalankan dengan melaksanakan pemberian hak istimewa melalui Skim pendapatan kepada banduan ini secara tidak langsung dapat mengurangi masalah disiplin banduan dalam penjara sekaligus memenuhi usaha pemulihan dan rawatan banduan. Oleh itu, setiap pelaksanaan hukuman yang dikenakan kepada banduan sama ada ke atas kesalahan kecil mahupun kesalahan besar disiplin penjara dilihat dapat mengurangi kesalahan disiplin dan tata-tertib banduan. (*Rules And Regulations Under Ordinance No.XIV Of 1872*). Keberhasilan dalam mengawal disiplin banduan mempunyai impak yang besar ke atas pelaksanaan setiap peraturan, undang-undang, dan program penjara. Ini dapat dilihat berdasarkan kejayaan mengawal disiplin banduan ke arah lebih baik dari sebelumnya. Hal ini dapat dibuktikan berdasarkan Laporan Tahunan Penjara 1951-1952, menyatakan sehingga tahun 1951-1952 didapati sikap dan tahap disiplin banduan terutama bagi banduan hukuman panjang berada dalam keadaan baik (*Report of The Prisons Department Federation of Malaya, 1953 and 1954:2*).

Implikasi Sistem Pentadbiran Penjara British ke atas Masyarakat

Sistem perundangan British yang diperkenalkan di penjara Pulau Pinang berjaya mengawal jenayah berleluasa dalam masyarakat Pulau Pinang. Ini kerana British memberi latihan dan peluang pekerjaan yang bersesuaian kepada mereka semasa dalam tahanan. Latihan dan pekerjaan dalam penjara ini penting kepada banduan selepas mereka dibebaskan dan kembali kepada masyarakat. Ini mengelakkan mereka daripada terlibat dengan kegiatan jenayah yang berulang kali yang dapat mengganggu ketenteraman masyarakat dan pentadbiran British. Undang-undang penjara British bukan sahaja membantu banduan tetapi juga masyarakat kerana kerajaan British dapat menumpukan kepada pembangunan ekonomi dan membangunkan Pulau Pinang sebagai pelabuhan penting.. Ini kerana dalam masa mereka berada dalam penjara pihak penjara telah mengkaji sikap mereka terhadap jenayah, lantas menentukan program dan aktiviti pekerjaan yang perlu dan bersesuaian dilakukan banduan. (*I.P.O.89/1937:1*) Kakitangan pengajar yang terlatih akan mengajar banduan lelaki melakukan kerja-kerja industri yang ditentukan di samping memberi manfaat apabila banduan apabila mereka keluar dari penjara (*Report of The Prisons Department Federation Of Malaya, 1950:22*). Bagi banduan wanita, kebiasaan mereka terlibat dengan aktiviti tanaman dan berkebun. Banduan wanita akan ditugaskan dengan beberapa pekerjaan seperti mengait, menjahit dan membasuh (*Federation Annual Report 1949:2*). Oleh itu, mereka mempunyai pekerjaan yang dapat mengisi masa dan keperluan hidup mereka apabila mereka kembali ke pangkuhan masyarakat.

Sikap patuh dan akur banduan kepada undang-undang dan disiplin dalam penjara membantu banduan menjalani kehidupan bermasyarakat yang lebih teratur dan berdisiplin selepas mereka dibebaskan. Ini terbukti apabila undang-undang yang dilaksanakan telah berjaya mengurangi kadar *recidivist* atau kemasukan banduan yang sama di penjara berulang kali. Melalui perundangan dan disiplin penjara, banduan memahami konsep kendiri dan mempraktikkan perubahan-perubahan baru

yang dipelajari dalam persekitaran selamat (*Manual Of Correctional Standards*, 1966). Dalam kehidupan seharian banduan, setiap perbuatan akan direkodkan samada melibatkan perbuatan baik dan jahat termasuklah sebarang kesalahan disiplin kecil dan besar. Banduan perlu bertanggungjawab dalam setiap tindakan masing-masing semasa dalam tahanan penjara. Setiap perbuatan yang melanggar undang-undang penjara, mereka akan dikenakan hukuman seperti denda-denda dan penarikan hak istimewa menyebabkan banduan tidak berani untuk melanggar peraturan (*Rules And Regulations Under Ordinance No.XIV Of 1872:3*). Secara tidak langsung ini telah dapat membentuk pembangunan sahsiah banduan terutama dari aspek disiplin. Pembangunan sahsiah banduan ini penting untuk membawa mereka kepada masyarakat luar agar tidak menggugat keamanan masyarakat. Malahan, mereka mampu menjadi sebahagian daripada masyarakat yang menyumbang kepada pembangunan Pulau Pinang melalui pelbagai projek pembangunan kerajaan British.

Sikap pegawai penjara juga memberikan imej yang baik kepada masyarakat. Sebagaimana banduan memiliki peraturan dan undang-undang yang perlu dipatuhi, kakitangan penjara juga terikat dengan undang-undang yang tertentu dalam setiap aspek tugasannya. Peraturan kakitangan penjara ini dijadikan panduan oleh semua pegawai penjara dalam melaksanakan tanggungjawab dan tugas harian (*Rules And Regulations Under Ordinance No.XIV Of 1872:10*). Dengan berpandukan peraturan ini Pegawai Penjara bukan sahaja mampu mempertingkatkan disiplin diri malah berkeupayaan meningkatkan imej dan prestasi Jabatan Penjara menjadi sebuah agensi pemulihian bertaraf dunia pada pandangan masyarakat. Melalui peraturan ini dapat menanamkan sikap kerja positif dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan bagi mempertingkatkan kualiti kerja. Selain itu ia juga bertujuan membentuk disiplin, kredibiliti dan integriti pegawai penjara yang bertugas dalam mewujudkan suasana kerja yang harmoni semasa melaksanakan sebarang peraturan dan disiplin penjara. Justeru, Pegawai Penjara juga perlu bersikap adil dan saksama semasa menjalankan tugas agar dapat menunjukkan contoh dan peribadi yang baik kepada banduan. Ini memberikan imej yang baik kepada masyarakat bandar di Pulau Pinang dalam usaha British mengawal jenayah di negeri itu.

Selain itu, undang-undang penjara yang mewajibkan banduan mengikuti pendidikan dalam penjara membawa perubahan peribadi yang baik dalam kalangan banduan (*Report On The Prisons Department In The Federation Of Malaya For The Year 1948*). Ini merupakan faktor penting terhadap kepercayaan dan keyakinan masyarakat terhadap banduan yang dibebaskan (*Report of The Prisons Department Federation Of Malaya, 1951 and 1952:1*). Kurikulum sekolah penjara dilihat sangat menitikberatkan nilai-nilai murni dalam kepelbagaiannya kaum (*Report On The Prisons Department In The Federation Of Malaya For The Year 1949:18*). Ini bertujuan melahirkan insan yang berpendidikan dan harmonis setelah kembali kepada pangkuhan masyarakat. Pendidikan dalam penjara membuka lebih banyak peluang kepada banduan bagi mengembangkan potensi mereka dari segi intelek dan rohani di samping dapat membina kerjasama sosial antara banduan dan masyarakat.

Melalui pendidikan penjara banduan turut membantu membangunkan ekonomi negara. British melihat pendidikan penjara bukan sahaja boleh melahirkan sumber manusia yang berkualiti dengan penguasaan kemahiran ilmu tetapi ia juga dapat menggalakkan perkembangan perniagaan yang sihat (*League Of Nations, Penal And Penitentiary Questions Report 1934:6*). Ini kerana pendedahan ilmu kemahiran dan perniagaan yang didedahkan kepada banduan memberi impak penting kepada individu sekaligus kepada komuniti peniaga dan masyarakat. Ini berdasarkan tindakan British yang telah memperuntukkan perbelanjaan kerajaan yang besar dengan tujuan pembangunan pendidikan penjara (*Report of The Prisons Department Federation Of Malaya, 1951 and 1952:29*). Justeru, dengan adanya pendidikan penjara dengan keberkesanan undang-undang yang sistematik, ia mampu mengeluarkan banduan daripada terus berada dalam kepompong kemiskinan dalam usaha British mengelakkan banduan daripada terus kembali melibatkan diri dengan jenayah. Oleh itu, untuk keluar daripada belenggu kemiskinan, maka pendidikan dapat membantu banduan memperolehi pekerjaan yang lebih baik melalui bukti sijil-sijil kelayakan yang diperolehi semasa menjalani sesi persekolahan di penjara. Justeru, kejayaan sistem pendidikan penjara di bawah undang-undang British telah menjadi faktor penting kepada penerimaan masyarakat terhadap banduan di Pulau Pinang.

Kesimpulan

Berdasarkan latar belakang kajian didapati bahawa kehadiran British di Pulau Pinang telah membawa pengenalan institusi Penjara Pulau Pinang. Penapakan kuasa British di Pulau Pinang bertujuan semata-mata demi mendapatkan kepentingan ekonomi, namun kepadatan penduduk akibat perkembangan ekonomi yang berlaku mempengaruhi peningkatan kadar jenayah di Pulau Pinang. Keperluan menubuhkan institusi tahanan ini telah mendapat perhatian serius pihak British akibat peningkatan kadar jenayah yang mendadak seiring dengan kemasukan banduan ke penjara yang berterusan. Ini menimbulkan kebimbangan kepada pentadbiran British, secara tidak langsung telah mencetuskan kesedaran mereka agar mengambil berat dan memberi perhatian terhadap aspek kepenjaraan. Ianya telah mendorong British mengambil tindakan dalam menangani masalah ini kerana aspek sosial juga memainkan peranan penting dalam memastikan kelancaran pentadbiran British.

Oleh itu, British mula memberi tumpuan kepada institusi penjara dalam usaha mewujudkan persekitaran sosial yang aman dan selamat. Penubuhan penjara ini memainkan peranan penting kepada pentadbiran British dalam mempengaruhi perkembangan jenayah di Pulau Pinang terutama melibatkan kadar kemasukan banduan ke dalam penjara. Penubuhan institusi penjara ini bukan sahaja membantu melancarkan pentadbiran undang-undang dan kehakiman Pulau Pinang. Justeru, melalui penubuhan Penjara Pulau Pinang ini maka secara tidak langsung dapat memastikan kelancaran pentadbiran British dengan memperuntukkan institusi hukuman yang sewajarnya sekaligus mengawal aspek keselamatan dan ketenteraman Pulau Pinang. Malah penekanan British dalam aspek disiplin banduan memperlihatkan satu perkembangan baru dalam sistem peraturan penjara yang sebelum ini tidak wujud dalam sistem kehakiman tradisional di Pulau Pinang yang mempraktikkan sistem adat tempatan Kedah. Selain itu, memang tidak dapat dinafikan bahawa pelaksanaan sistem pentadbiran penjara British dengan disiplin yang tegas turut menitikberatkan kepada sahsiah banduan. Aspek ini dilihat penting oleh British kerana hukuman dan undang-undang yang berkesan akan memberi implikasi yang positif bukan sahaja kepada banduan tetapi masyarakat keseluruhannya.

Rujukan

1991/0025487

Ahmad Muhammed Ibrahim & Ahilemah Joned. (1985). *Sistem Undang-Undang Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

C.O. 273/272 Fail 9321

C.O. 273/240, 1898

C.P. 138/48, 1949.

C.P 315/48, 1948

C.P 456/47, 1949.

Davies, D. (1956). *Old Pulau Pinang*. Singapore: Donald Moore Press.

Federation Annual Report 1949.

I.P.O.89/1937

I.P.O 820/35, 1935.

I.P.O. 89/1937, 1937.

I.P.O. 601/38, 1938.

League Of Nations, Penal And Penitentiary Questions Report 1934

Laws Of Malaysia Act 537, Prison Act 1995

Loveland F (1962). 'Classification in The Prison System', Dlm. Johnston, S. & Wolfgang (eds.). *The Sociology of Punishment And Correction*. New York: John Wiley & Sons Inc.

Manual Of Correctional Standards. (1966). Washington: The Americans Correctional Association.

Nordin Hussin (2007). *Trade and Society In The Straits Of Melaka: Dutch Melaka And English Penang, 1780-1830*. Singapore : National University Of Singapore.

Peraturan Penjara 1903

Peraturan Penjara 1906

Peraturan Penjara 1953

- Pulau Pinang Past And Present, 1786-1963 (1993). *A Historical Account of The City Of Georgetown Since 1786*. Pulau Pinang: The City Council Of Georgetown.
- Purcell V (1965). *The Memories Of A Malayan Official*, London : Cassell & Company.
- Rules And Regulations Under Ordinance No.XIV Of 1872.
- Report On The Prisons Department In The Federation Of Malaya For The Year 1948.
- Report On The Prisons Department In The Federation Of Malaya For The Year 1949.
- Report of The Prisons Department Federation Of Malaya, 1950.
- Report of The Prisons Department Federation Of Malaya, 1951 and 1952.
- Report of The Prisons Department Federation Of Malaya, 1953 and 1954.
- Straits Settlements. (1920). *The Laws Of The Straits Settlements Volume II, 1901-1907*(Revised Edition). London: Waterlow & Sons.
- Straits Settlements Annual Report 1927.
- Straits Settlements Annual Departmental Report 1855.
- Straits Settlements Annual Departmental Report 1855-1867.
- Straits Settlements Annual Departmental Report 1872.
- Straits Settlements Annual Departmental Report 1892-1900.
- Straits Settlements Annual Report 1930
- Straits Settlements Annual Report 1938.
- Straits Settlements Annual Departmental Report 1872.
- Straits Settlements Annual Departmental Report 1895.
- Straits Settlements Annual Departmental Report 1900-1919.
- Straits Settlements *Government Gazette* 1900.
- Straits Settlements Gazette 1939.
- Straits Settlements Gazette 1899.
- Straits Settlements Penal Code 1884.
- Turnbull C M (1970). Convicts in the Straits Settlements, 1826-1867, *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 43(217), 87-103.